



12 Ogos 2022
12 August 2022
P.U. (A) 260

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN CUKAI PERKHIDMATAN (PERKHIDMATAN DIGITAL) (PINDAAN) 2022

SERVICE TAX (DIGITAL SERVICES) (AMENDMENT) REGULATIONS 2022

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 2018

PERATURAN-PERATURAN CUKAI PERKHIDMATAN (PERKHIDMATAN DIGITAL)
(PINDAAN) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 91(2)(m) Akta Cukai Perkhidmatan 2018 [*Akta 807*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan (Perkhidmatan Digital) (Pindaan) 2022**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 Ogos 2022.

Pindaan peraturan 5A

2. Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan (Perkhidmatan Digital) 2019 [*P.U. (A) 269/2019*], yang disebut sebagai “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam subperaturan 5A(1) dengan menggantikan perkataan “tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan” dengan perkataan “tidak dikira sebagai perkhidmatan digital bagi maksud Akta”.

Pindaan peraturan 6A

3. Peraturan 6A Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas subperaturan (3) subperaturan yang berikut:

“(3A) Walau apa pun subperaturan (3), Ketua Pengarah boleh, atas permintaan secara bertulis oleh mana-mana orang berdaftar asing dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah, membenarkan mana-mana butir yang dinyatakan di bawah subperaturan (3) untuk tidak dinyatakan dalam suatu nota kredit atau nota debit yang dikeluarkan oleh orang berdaftar asing.”

Pindaan peraturan 9

4. Subperaturan 9(3) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “sebelum” dengan perkataan “tidak lewat daripada”.

Pindaan peraturan 16

5. Peraturan 16 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:

“(3) Bagi maksud penerimaan penyata dan pembayaran cukai perkhidmatan atau penalti yang kena dibayar, jika hari terakhir yang dinyatakan di bawah subseksyen 56H(4), 56H(4A) atau 56I(1) Akta jatuh pada hari kelepasan mingguan Persekutuan atau hari kelepasan am Persekutuan di Malaysia atau di negara yang mana orang berdaftar asing itu ditubuhkan, maka hari terakhir untuk menerima penyata dan pembayaran cukai perkhidmatan atau penalti yang kena dibayar itu adalah pada hari kelepasan mingguan Persekutuan atau hari kelepasan am Persekutuan di Malaysia atau di negara yang mana orang berdaftar asing itu ditubuhkan.”.

Dibuat 12 Ogos 2022

[MOF.TAX(S)700-1/2/27 JLD.3; KE.HF(152) 899/03 JLD. 2(1); PN(PU2)752/IV]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Menteri Kewangan

SERVICE TAX ACT 2018

SERVICE TAX (DIGITAL SERVICES) (AMENDMENT) REGULATIONS 2022

IN exercise of the powers conferred by paragraph 91(2)(m) of the Service Tax Act 2018 [*Act 807*], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Service Tax (Digital Services) (Amendment) Regulations 2022**.

(2) These Regulations come into operation on 15 August 2022.

Amendment of regulation 5A

2. The Service Tax (Digital Services) Regulations 2019 [*P.U. (A) 269/2019*] which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended in subregulation 5A(1) by substituting for the words “not be subject to service tax” the words “is not considered as a digital service for the purposes of the Act”.

Amendment of regulation 6A

3. Regulation 6A of the principal Regulations is amended by inserting after subregulation (3) the following subregulation:

“(3A) Notwithstanding subregulation (3), the Director General may, upon request in writing by any foreign registered person and subject to such conditions as the Director General deems fit, allow any particulars specified under subregulation (3) not to be stated in a credit note or debit note issued by the foreign registered person.”.

Amendment of regulation 9

4. Subregulation 9(3) of the principal Regulations is amended by substituting for the word “before” the words “not later than”.

Amendment of regulation 16

5. Regulation 16 of the principal Regulations is amended by inserting after subregulation (2) the following subregulation:

“(3) For the purposes of receiving returns and payments of service tax or penalty payable, where the last date specified in subsection 56H(4), 56H(4A) or 56I(1) of the Act falls on the Federal weekly holiday or Federal public holiday in Malaysia or in the country where the foreign registered person established, then the last day to receive such returns and payments of service tax or penalty payable is on the Federal weekly holiday or Federal public holiday in Malaysia or in the country where the foreign registered person established.”.

Made 12 August 2022

[MOF.TAX(S)700-1/2/27 JLD.3; KE.HF(152) 899/03 JLD. 2(1); PN(PU2)752/IV]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Minister of Finance